

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“

# KERATAN AKHBAR KESUMA”

”

ISNIN  
11 Mei 2026



<b>Akhbar</b>	<b>Berita Harian</b>
<b>Tarikh</b>	<b>11 Mei 2026</b>
<b>Ruang</b>	<b>Nasional</b>
<b>Muka Surat</b>	<b>3</b>

## Dana MITRA ditambah RM50j lagi tahun ini

**Kuala Lumpur:** Peruntukan untuk Unit Transformasi Masyarakat India (MITRA) ditambah RM50 juta lagi kepada RM150 juta mulai tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata penambahan peruntukan itu bagi memastikan program dilaksanakan MITRA dapat ditambah baik dan benar-benar sampai kepada golongan sasaran.

“Kita harus perbaiki program supaya program betul-betul sampai kepada kelompok yang memerlukan.

“Disebabkan saya lihat mutakhir ini prestasi MITRA terbaik, saya setuju mulai tahun ini, kita tambah (peruntukan) jadi RM150 juta,” katanya ketika berucap pada Majlis Ramah Mesra Perdana Menteri bersama Mahasiswa India di Universiti Malaya (UM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Menteri Sumber Manusia yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pasukan Petugas Khas MITRA, Datuk Seri R Ramanan.

Sementara itu, Perdana Menteri membidas tindakan sesetengah pihak yang mempersoal peruntukan untuk masyarakat India di bawah MITRA yang disifatkan kecil, sedangkan pelbagai program rakyat dilaksanakan kerajaan, termasuk membasmi kemiskinan turut membabitkan kaum itu.

“Saya tidak katakan kita lakukan semua yang terbaik. Kita boleh perbaiki tetapi untuk menyatakan tidak ada bantuan (kepada masyarakat India), tidak benar,” katanya.

Sementara itu, Ramanan berkata ini kali pertama peruntukan bagi MITRA dinaikkan sejak penubuhannya lebih 20 tahun lalu.

Justeru, beliau amat berterima kasih dengan keprihatinan Perdana Menteri dalam membantu pembangunan masyarakat India.

# Ekonomi gig ubah pilihan kerjaya anak muda Malaysia



Ketua Pegawai Eksekutif OCBC Al-Amin Bank Bhd, anak syarikat perbankan Islam OCBC Bank (Malaysia) Bhd

Oleh Syed Abdull Aziz Syed Kechik  
bbbiz@bh.com.my

**“Sekali air bah, sekali pantai berubah.”** Setiap kali berlaku perubahan besar dalam ekonomi, landskap sosial serta budaya kerja turut berubah. Jika dahulu kerjaya stabil sering dikaitkan dengan pekerjaan tetap dan gaji bulanan, hari ini revolusi digital serta perubahan pasca pandemik telah mencetuskan gelombang baharu menerusi kebangkitan ekonomi gig dan peningkatan pilihan bekerja secara bebas dalam kalangan generasi muda.

Perubahan ini bukan sekadar trend sementara, sebaliknya satu anjakan struktur dalam pasaran pekerjaan. Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan sekitar empat juta rakyat Malaysia

atau kira-kira 26 peratus tenaga kerja kini terabit dalam pekerjaan gig atau freelance. Ini menunjukkan pekerjaan freelance bukan lagi pilihan sementara, tetapi semakin menjadi norma baharu dalam landskap ekonomi semasa.

Bagi generasi muda khususnya Gen Z, definisi kejayaan tidak lagi hanya bergantung kepada pangkat atau tempoh perkhidmatan, tetapi turut merangkumi fleksibiliti, autonomi dan keseimbangan hidup. Mereka mahu bekerja mengikut rentak kehidupan, bukannya hidup mengikut rentak kerja.

Pekerjaan freelance memberi kebebasan kepada mereka untuk memilih projek, menetapkan kadar bayaran sendiri serta bekerja mengikut masa dan lokasi yang diinginkan. Perkara ini diperkuatkan dengan perdebatan tular di media sosial mengenai seorang graduan muda yang menolak tawaran kerja tetap dengan gaji RM2,500 sebulan, sebaliknya memilih menjadi hos TikTok dan per-stream langsung secara freelance yang mampu menjana pendapatan antara RM5,000 hingga RM8,000 sebulan.

Kisah seperti ini bukan lagi kes terencil. Apabila pendapatan freelancer mampu mencecah dua atau tiga kali ganda gaji permulaan graduan, selain

menawarkan kebebasan waktu bekerja, sudah tentu ramai mula mempertimbangkan laluan kerjaya itu.

Namun, di sebalik potensi pendapatan yang tinggi, terdapat risiko yang sering dipandang ringan seperti ketidaktentuan pendapatan, kekurangan perlindungan sosial serta ancaman penipuan digital. Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan golongan berusia antara 21 hingga 30 tahun menjadi mangsa tertinggi penipuan kerja dalam talian dengan kerugian mencecah jutaan ringgit akibat kurangnya literasi kewangan dan kesedaran keselamatan digital.

## Isu perlindungan sosial

Tanpa jaringan keselamatan yang kukuh, golongan freelancer berdepan cabaran besar dari sudut perlindungan sosial. Bagi menangani isu ini, tiga langkah strategik wajar dipertimbangkan.

Pertama, membuat caruman sukarela secara konsisten menerusi platform seperti i-Saraan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Skim Keselamatan Sosial Pekerja Sendiri (SKSPS) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi menjamin perlindungan hari tua dan kecederaan.

Kedua, membina dana kecemasan sekurang-kurangnya bersamaan enam hingga 12 bulan kos sara hidup bagi menghadapi tempoh ketiadaan projek atau pendapatan.

Ketiga, mendapatkan perlindungan takaful peribadi yang komprehensif bagi mengurangkan beban liabiliti luar jangka, termasuk perlindungan pendapatan dan perubatan.

Langkah proaktif ini bukan lagi pilihan, tetapi keperluan untuk memastikan kesejahteraan dan perlindungan sosial golongan freelancer terus terjaga.

Dalam dunia pekerjaan yang semakin dinamik, peningkatan kemahiran juga menjadi keperluan asas. Ramai freelancer memiliki kemahiran teknikal, namun masih kurang dari segi keusahawanan dan pengurusan kewangan.

Bagi memastikan kelangsungan kerjaya dan mengurangkan risiko ketidaktentuan pendapatan, beberapa laluan peningkatan kemahiran boleh dipertimbangkan. Antaranya termasuk mengikuti

kursus digital dan micro-credentials dalam bidang kecerdasan buatan (AI), analitik data serta pemasaran digital menerusi platform tempatan dan global yang menawarkan pembelajaran fleksibel dan relevan.

Selain itu, program latihan yang ditawarkan HRD Corp dan Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) turut menyediakan latihan praktikal dalam kemahiran industri serta pengurusan perniagaan bagi membantu freelancer berkembang menjadi usahawan.

Program pembangunan bakat seperti K-Youth oleh Khazanah Nasional juga mampu memberi pendedahan industri sebenar serta meningkatkan kebolehpasaran dalam sektor berkemahiran tinggi.

Langkah ini penting bukan sahaja untuk pembangunan individu, malah bagi memastikan produktiviti tenaga kerja negara terus meningkat.

Pekerja freelance hari ini juga berpotensi menjadi usahawan masa depan. Sehubungan itu, institusi kewangan memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan ekonomi gig dan perusahaan kecil dan sederhana (PKS).

Antara perkhidmatan yang disediakan OCBC Al-Amin bagi menyokong freelancer dan PKS ialah pembiayaan usahawan menerusi pendekatan penilaian berasaskan aliran tunai yang membantu mereka mendapatkan akses kepada modal pusingan.

Selain itu, kemudahan pembukaan akaun perniagaan secara digital sepenuhnya membolehkan pengasingan dana perniagaan dan peribadi secara patuh syariah, di samping memudahkan pengurusan invoice global.

Usaha meningkatkan literasi kewangan dan keselamatan juga penting bagi mendidik generasi muda mengenai kepentingan simpanan, caruman sukarela, perlindungan takaful serta pelaburan masa depan supaya kebebasan hari ini tidak menjiskan kestabilan kewangan pada masa depan.

Hakikatnya, ekonomi gig bukan pengganti sepenuhnya kepada pekerjaan sedia ada, sebaliknya pelengkap kepada landskap pekerjaan moden. Cabaran utama kini adalah mencari keseimbangan antara fleksibiliti dan keselamatan, serta antara kebebasan individu dan kestabilan ekonomi negara.

## Mitra gets RM50mil boost for development programmes

**PETALING JAYA:** The Malaysian Indian Transformation Unit (Mitra) has received an additional RM50mil boost, as the government moves to strengthen programmes for the Indian community, announced the Prime Minister.

This brings the total allocation for Mitra this year to RM150mil.

Datuk Seri Anwar Ibrahim said this was following the agency's good performance in implementing development programmes for the Indian community.


He said the decision was made after the government assessed the effectiveness of various Mitra programmes targeted at the Indian community who need assistance, particularly in the fields of education, training and socio-economic development.

"Mitra is a special unit because it can incorporate the views of elite Indian scholars and representatives of Indian associations.

"However, we must improve the programmes (offered) so that it truly reaches the groups who need it.

"I agree that starting this year, we should increase its allocation by RM50mil," he said during a meet-and-greet session with Indian undergraduates at Universiti Malaya.

Anwar said the government's approach under the Malaysia Madani framework is based on



**Connecting with youth:** Anwar and Ramanan (top left, in white shirt) during a meet-and-greet session with Indian undergraduates at Universiti Malaya.  
— RAJA FAISAL HISHAN/The Star

fairness and inclusivity, adding that efforts to uplift the disadvantaged is not limited to programmes under Mitra alone.

The Prime Minister said there are initiatives under various ministries, including the Human Resources Ministry and Finance Ministry aimed at eradicating hardcore poverty and assisting the people.

He said the government also

paid attention to the governance aspect in the management of Mitra funds to ensure that aid reached the target group.

Anwar said programmes for the Indian community not only involved welfare assistance, but also opened up educational and technical training opportunities for youth.

Human Resources Minister Datuk Seri R. Ramanan described

the increase in allocation for Mitra as a significant milestone in the agency's history.

"I would like to thank the Prime Minister for the additional allocation. For more than 20 years, the allocation remained at RM100mil," he said.

Ramanan added that Mitra had demonstrated strong implementation capacity, with near-full utilisation of its allocations in

recent years.

"For this year, our programmes have already been planned. We are close to fully utilising the RM100mil allocation available," he said.

Ramanan said Mitra will focus on holistic educational development, covering preschool, primary, secondary and tertiary education, including high-level technical training.